

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 2002/2003

April/Mei 2003

JKE 415 – Ekonomi Kewangan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A. Jawapan hendaklah ditandakan di dalam Borang khas yang disediakan. Jawab dua soalan dalam Bahagian B. Jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas soalan ini sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A (60 markah)

Jawab SEMUA soalan berikut.

Bagi setiap soalan, pilih jawapan yang terbaik daripada senarai alternatif yang disediakan. Anda boleh pilih SATU jawapan sahaja.

Tandakan jawapan anda di dalam borang yang disediakan di bawah, dengan menghitamkan ruang-ruang berkenaan.

- | | | |
|-------------------------|-------------------------|-------------------------|
| 1. (A) (B) (C) (D) (E) | 15. (A) (B) (C) (D) (E) | 29. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 2. (A) (B) (C) (D) (E) | 16. (A) (B) (C) (D) (E) | 30. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 3. (A) (B) (C) (D) (E) | 17. (A) (B) (C) (D) (E) | 31. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 4. (A) (B) (C) (D) (E) | 18. (A) (B) (C) (D) (E) | 32. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 5. (A) (B) (C) (D) (E) | 19. (A) (B) (C) (D) (E) | 33. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 6. (A) (B) (C) (D) (E) | 20. (A) (B) (C) (D) (E) | 34. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 7. (A) (B) (C) (D) (E) | 21. (A) (B) (C) (D) (E) | 35. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 8. (A) (B) (C) (D) (E) | 22. (A) (B) (C) (D) (E) | 36. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 9. (A) (B) (C) (D) (E) | 23. (A) (B) (C) (D) (E) | 37. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 10. (A) (B) (C) (D) (E) | 24. (A) (B) (C) (D) (E) | 38. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 11. (A) (B) (C) (D) (E) | 25. (A) (B) (C) (D) (E) | 39. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 12. (A) (B) (C) (D) (E) | 26. (A) (B) (C) (D) (E) | 40. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 13. (A) (B) (C) (D) (E) | 27. (A) (B) (C) (D) (E) | 41. (A) (B) (C) (D) (E) |
| 14. (A) (B) (C) (D) (E) | 28. (A) (B) (C) (D) (E) | 42. (A) (B) (C) (D) (E) |

Soalan 1

1. Antara pernyataan-pernyataan berikut, yang manakah berkait dengan Hukum Walras?

- A. Hukum itu berlaku secara *ex ante*, oleh itu ia sentiasa benar.
- B. $p_1(d_1-s_1) + p_2(d_2-s_2) + \dots + p_n(d_n-s_n) = 0$
- C. $p_1d_1 + p_2d_2 + \dots + p_nd_n = p_1s_1 + p_2s_2 + \dots + p_ns_n$

D.

$$\sum_{i=1}^n p_i (d_i - s_i) = 0$$

E.

$$\sum_{i=1}^{n-1} p_i (d_i - s_i) > 0$$

2. Dalam hal pengajian permintaan wang, J.M. Keynes berkait dengan

- A. Teori kuantiti wang klasikal
- B. Teori kuantiti wang Cambridge
- C. Teori kuantiti wang Moden
- D. Teori wang pilihan kecairan
- E. Teori permintaan wang Moden

3. Pernyataan-pernyataan berikut adalah benar mengenai persamaan $MV = PY$:

- A. Persamaan itu meliputi urus niaga perantaraan dan urus niaga akhir
- B. Persamaan itu merupakan fungsi permintaan wang
- C. Data-data KNK tidak boleh digunakan untuk menguji persamaan itu
- D. Kuantiti wang menyebabkan perubahan dalam tingkat harga
- E. Halaju V boleh berubah dan tidak konstan

4. Hujah bahawa ‘seseorang biasanya mempelbagaikan portfolionya, dan bukan semata-mata memegangkekayaannya dalam bentuk wang dan bon sahaja’ dikemukakan oleh

- A. Arthur Pigou
- B. Alfred Marshall
- C. William Baumol
- D. James Tobin
- E. Milton Friedman

5. Berikut adalah ciri-ciri Teori Permintaan Wang Keynes, kecuali:
- A. Terdapat tiga motif mengapa seseorang ingin meminta wang
 - B. Halaju V boleh ubah, dan berfungsi kepada Y dan r
 - C. Satu lagi fungsi wang, iaitu bayaran tertunda, diambil kira
 - D. Permintaan wang dipengaruhi oleh tingkat
 - E. Kadar bunga mengenakan pengaruh yang kuat terhadap permintaan wang
6. Dalam Model IS-LM, peningkatan pelaburan akan menyebabkan:
- A. Keluk IS beranjak ke kanan
 - B. Keluk IS beranjak ke kiri
 - C. Keluk LM beranjak ke kanan
 - D. Keluk LM beranjak ke kiri
 - E. Keluk IS dan keluk LM beranjak serentak
7. Mengikut Teori Keynes, jumlah pengeluaran:
- A. sentiasa berada pada tingkat guna tenaga penuh
 - B. tidak semestinya berada pada tingkat pengeluaran guna tenaga penuh
 - C. tidak boleh berada pada tingkat guna tenaga penuh
 - D. sentiasa berada pada tingkat yang kurang daripada guna tenaga penuh
 - E. tiada jawapan di atas
8. Dalam Model IS-LM, peningkatan paras harga akan menyebabkan:
- A. Keluk IS beranjak ke kanan
 - B. Keluk IS beranjak ke kiri
 - C. Keluk LM beranjak ke kanan
 - D. Keluk LM beranjak ke kiri
 - E. Tiada jawapan di atas
9. Dalam Model AD-AS, sekiranya paras upah nominal fleksibel, peningkatan stok wang pada jangka pendek, akan menyebabkan:
- A. Upah benar meningkat
 - B. Upah nominal menurun
 - C. Paras harga meningkat
 - D. Keluk AD beranjak ke kiri
 - E. Keluk AS beranjak ke kanan

10. Sekiranya pelaburan tidak sensitif langsung terhadap perubahan paras r (kadar bunga), yang manakah antara berikut adalah benar?
- Peningkatan cukai penggunaan akan meningkatkan paras r
 - Peningkatan stok wang akan meningkatkan paras r
 - Peningkatan perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan paras r
 - Penurunan penggunaan akan meningkatkan paras r
 - Keluk AD hanya akan berganjak apabila dasar kewangan digunakan
11. Sekiranya wang adalah penganti sempurna bagi aset bukan wang yang lain, maka
- Peningkatan stok wang akan meningkatkan paras Y
 - Peningkatan cukai akan meningkatkan paras Y
 - Peningkatan perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan paras Y
 - Dasar kewangan akan mempengaruhi paras r
 - Dasar fiskal akan mempengaruhi paras r
12. Sekiranya permintaan wang adalah langsung tidak sensitif terhadap r , maka
- wang boleh digantikan oleh sebarang aset bukan wang
 - penurunan stok wang akan menurunkan paras r
 - dasar kewangan berkesan dalam mempengaruhi paras Y
 - dasar fiskal berkesan dalam mempengaruhi paras Y
 - penurunan perbelanjaan kerajaan akan meningkatkan paras Y
13. Dalam pengurusan kewangan Malaysia, strategi dasar kewangan BNM telah diubahkan:
- daripada sasaran agregat kewangan kepada sasaran inflasi
 - daripada sasaran kadar pertukaran asing kepada sasaran agregat kewangan
 - daripada sasaran kadar bunga kepada sasaran inflasi
 - daripada sasaran agregat kewangan kepada sasaran kadar bunga
 - daripada sasaran inflasi kepada sasaran kadar bunga
14. Sekiranya kerajaan meneruskan dasar untuk menurunkan kadar pengangguran, keluk Phillips di bawah jangkaan naïve, pada jangka panjang, akan berbentuk
- keluk yang bercerunan negatif
 - keluk yang bercerunan positif
 - keluk yang menegak
 - keluk yang melintang
 - Satu titik

15. Sekiranya dasar kerajaan menyebabkan peningkatan harga pada kadar yang semakin naik pada setiap jangka masa, keluk Phillips di bawah kes ekstrim jangkaan rasional akan berbentuk
- keluk yang bercerunan negatif
 - keluk yang bercerunan positif
 - keluk yang menegak
 - keluk yang melintang
 - satu titik
16. Sekiranya kerajaan meneruskan dasar untuk menurunkan kadar pengangguran, apakah kesan terhadap kadar pengangguran di bawah jangkaan adaptif jangka panjang?
- Kadar pengangguran akan bergerak di atas keluk Phillips yang sama dan tidak berlaku inflasi
 - Kadar pengangguran akan semakin menurun dan inflasi tidak akan berlaku
 - Kadar pengangguran akan bergerak di atas keluk Phillips yang semakin beranjak ke atas
 - Kadar pengangguran akan semakin diturunkan tetapi kadar inflasi akan meningkat
 - Kadar pengangguran tidak dapat diturunkan dan kadar inflasi akan meningkat
17. Kesatuan pekerja dapat perolehi tahap upah benar yang diingini jikalau
- Teori jangkaan naïve benar
 - Teori jangkaan adaptif benar
 - Teori jangkaan rasional biasa benar
 - Teori jangkaan rasional ekstrim benar
 - Polisi kerajaan tidak dapat diramal dengan tepat
18. Dalam model makroekonomi Keynes jangka panjang
- keneutralan wang dan ilusi wang akan berlaku
 - keneutralan pasaran berlaku tetapi ilusi wang tidak wujud
 - keneutralan pasaran tidak berlaku tetapi ilusi wang wujud
 - upah adalah fleksibel
 - upah adalah tidak fleksibel

19. Komposisi stok M1 terdiri dari matawang (CC) dan deposit semasa (DD). Yang manakah antara berikut mensifatkan keadaan stok M1 di Malaysia pada masa sekarang?
- A. CC > DD
 - B. CC ≥ DD
 - C. CC < DD
 - D. CC ≤ DD
 - E. CC = DD
20. Pernyataan-pernyataan berikut menunjukkan ciri hadlaju pusingan wang (V) bagi tahun 1974-92 seperti diterbitkan oleh BNM. Yang manakah antaranya benar?
- A. V1, V2 & V3 sama kestabilannya
 - B. V2 & V3 lebih stabil dari V1
 - C. V3 paling tidak stabil sekali
 - D. V1 lebih stabil dari V2 & V3
 - E. V1 & V2 lebih stabil dari V3
21. Antara keanjalan pendapatan (ϵ_y) bagi permintaan wang M1, M2 & M3 di Malaysia bagi tahun 1986-92, nilai manakah yang paling rendah?
- A. ϵ_{yM1}
 - B. ϵ_{yM2}
 - C. ϵ_{yM3}
 - D. $\epsilon_{yM1} \& \epsilon_{yM2}$
 - E. $\epsilon_{yM2} \& \epsilon_{yM3}$
22. Sekiranya nilai keanjalan kadar bunga (ϵ_r) bagi baki M1 adalah -0.002, kenaikan kadar bunga dari 5% kepada 10% akan menyebabkan perubahan permintaan wang M1 sebanyak
- A. 0.002%
 - B. 0.4%
 - C. 0.2%
 - D. 2.0%
 - E. tiada jawapan di atas

23. Pada masa sekarang, BNM telah mengamalkan prosedur pelaksanaan polisi kewangan yang lebih berorientasikan pasaran atas sebab faktor-faktor berikut, kecuali:
- A. Kerajaan telah mengurangkan penglibatannya dalam aktiviti ekonomi
 - B. Sektor swasta semakin penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi
 - C. Pasaran kewangan telah kurang sensitif kepada kadar bunga yang ditetapkan oleh BNM
 - D. Kuasa pasaran kini lebih besar pengaruhnya terhadap ekonomi negara.
 - E. Tren pencejagatan telah meningkatkan pengaliran dana modal pada peringkat dunia
24. Keadaan bahawa keputusan dalam pasaran dibuat berdasarkan harga nominal dan bukannya harga relatif itu dirujuk sebagai
- A. Ilusi wang
 - B. Ilusi pasaran
 - C. Keneutralan wang
 - D. Keneutralan pasaran
 - E. Tiada jawapan di atas
25. Sekiranya penawaran buruh ditentukan oleh upah benar, maka
- A. Ilusi wang telah berlaku
 - B. Ilusi pasaran telah berlaku
 - C. Keneutralan buruh telah berlaku
 - D. Keneutralan pasaran telah berlaku
 - E. Keneutralan pasaran tidak berlaku
26. Hasil penemuan R. Lucas berkait dengan
- A. Teori keseimbangan umum
 - B. Teori neo-classical
 - C. Teori jangkaan naïve
 - D. Teori jangkaan adaptif
 - E. Teori jangkaan rasional

Soalan 27 - 40 merujuk kepada pasaran-pasaran yang ditunjukkan dalam Rajah 1 dan berdasarkan maklumat yang berikut:

Andaikan Rajah 1 mencirikan model Klasikal, dan pihak kerajaan meningkatkan stok wang di dalam sistem ekonomi berkenaan.

27. Akibat peningkatan stok wang itu, keluk manakah yang akan mula-mula sekali berganjak dalam pasaran r - Y ?

- A. keluk LM
- B. keluk IS
- C. keluk AS
- D. keluk AD
- E. keluk output

28. Dalam Rajah 1, keluk K2 ialah

- A. keluk LM asal
- B. keluk LM baru
- C. keluk IS asal
- D. keluk IS baru
- E. keluk AS asal

29. Dalam Rajah 1, keluk K3 ialah

- A. keluk LM asal
- B. keluk LM baru
- C. keluk IS asal
- D. keluk IS baru
- E. keluk AD asal

30. Kadar bunga (r) yang asal ialah


- A. r_1
- B. r_2
- C. r_3
- D. r_4
- E. r_5

31. Dalam pasaran P-Y dalam Rajah 1, peningkatan stok wang ditunjukkan oleh pengangkutan salah satu keluk. Kedudukan baru keluk berkenaan adalah pada
- A. K5
 - B. K6
 - C. K7
 - D. K8
 - E. K9
32. Akibat perubahan stok wang, kadar bunga akan bergerak ke paras
- A. r1
 - B. r2
 - C. r3
 - D. r4
 - E. r5
33. Keluk AS yang asal ialah
- A. K5
 - B. K6
 - C. K7
 - D. K8
 - E. K9
34. Paras harga asal (sebelum perubahan stok wang) ialah
- A. P1
 - B. P2
 - C. P3
 - D. P4
 - E. P5
35. Paras harga baru ialah
- A. P1
 - B. P2
 - C. P3
 - D. P4
 - E. P5

36. Perubahan harga itu seterusnya akan mempengaruhi pasaran r -Y. Penganjakan salah satu keluk akan berlaku, dan kedudukan keluk baru itu ialah pada
- A. K1
 - B. K2
 - C. K3
 - D. K4
 - E. K5
37. Akhirnya kadar bunga akan turut bergerak, ke paras
- A. r1
 - B. r2
 - C. r3
 - D. r4
 - E. r5
38. Pada akhirnya, paras output keseimbangan baru ialah pada
- A. Y
 - B. Y1
 - C. Y2
 - D. Y3
 - E. Y4
39. Dalam kes Rajah 1, kita boleh menyimpulkan bahawa:
- A. terdapat keneutralan pasaran
 - B. terdapat ilusi wang
 - C. terdapat jangkaan rasional yang tepat
 - D. fungsi $F(L)$ merupakan fungsi permintaan buruh
 - E. keluk upah benar bercerun positif
40. Daripada kes Rajah 1, kita boleh menyimpulkan bahawa perubahan sektor kewangan akan mempengaruhi:
- A. kadar bunga
 - B. tingkat output
 - C. paras harga
 - D. tingkat upah nominal
 - E. tahap guna tenaga buruh

Rajah 1

(untuk menjawab Soalan 27-40)



Bahagian B (40 markah)

Jawab Soalan 2 dan satu (1) soalan yang lain.

Semua jawapan hendaklah ditulis di dalam kertas soalan ini sahaja.

2. Teori ekonomi kewangan mengikut Model Klasikal dan Model Keynes berbeza dalam beberapa ciri utama. Bagi setiap pemboleh ubah berikut, nyatakan cirinya di bawah model masing-masing pada jangka pendek:

	Model Klasikal	Model Keynes
Upah nominal		
Upah benar		
Keluk Penawaran		
Agregat (AS)		
Ilusi wang		
Keneutralan pasaran		
Tingkat guna tenaga		
Jumlah output		

(14 markah)

3.

- (a) Terangkan Teori Kuantiti Wang Klasikal.

(6 markah)

- (b) Bincangkan tiga (3) perbezaan utama Teori Kuantiti Wang Friedman dan Teori Pilihan Kecairan Keynes.

(10 markah)
...15/-

Angka Giliran: _____

[JKE 415]

- 15 -

- (c) Bincangkan tiga (3) persamaan utama Teori Kuantiti Wang Friedman dan Teori Pilihan Kecairan Keynes.

(10 markah)

4. Pilih satu (1) teori jangkaan berikut:

- Teori Jangkaan Naive
- Teori Jangkaan Adaptif

(a) Huraikan secara ringkas teori berkenaan.

(6 markah)

(b) Tunjukkan secara graf sahaja bentuk Keluk Phillips jangka pendek dan jangka panjang di bawah teori jangkaan berkenaan.

(6 markah)

...17/-

- (c) Adakah teori jangkaan berkenaan menyokong apa yang ditegaskan oleh Teori Keynes tentang Keluk Phillips? Terangkan pendapat anda dengan bantuan graf.

(6 markah)

Angka Giliran: _____

[JKE 415]

- 18 -

- (d) Apakah pendirian Friedman tentang Keluk Phillips? Apakah implikasi pendiriannya terhadap keberkesanan dasar kewangan?

(8 markah)

- oooOooo -